



IKLAN

KEKOSONGAN LOT PERNIAGAAN BAZAR RAMADAN BAGI TAHUN 2024

Tawaran ini adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia terutama yang bermastautin di daerah Semporna untuk menyewa dan menjalankan perniagaan Bazar Ramadan bagi tahun 2024 seperti di lokasi berikut :-

LOKASI	KATEGORI JUALAN	JUMLAH LOT DITAWARKAN (SAIZ LOT 10 X 10)	KADAR HARGA (PER LOT)
Bandar Utama, Semporna	Makanan / Minuman (Sedia Hidang)	50	RM 130.00
	Makanan Bermasak	19	RM 210.00
Taman Sempaul, Semporna	Makanan / Minuman (Sedia Hidang)	85	RM 130.00
	Makanan Bermasak	20	RM 210.00
Bandar Baru, Semporna (Perkarangan Bangunan Heng Long)	Kain-Kain/Pelbagai Aksesori	51	RM 260.00
Bandar Baru, Semporna (Perkarangan Bangunan KPDNHEP)	Kain-Kain/Pelbagai Aksesori	75	RM 260.00
Bandar Lama, Semporna (Ruang Legar)	Biskut Raya	17	RM 130.00

SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN BAZAR RAMADAN TAHUN 2024:

1. Pemohon mestilah Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas.
2. Lot Bazar Ramadan Tahun 2024 adalah terhad seperti maklumat yang dinyatakan di atas.
3. Pemohon perlu mendapatkan Borang Permohonan Lot Bazar Ramadan Tahun 2024 daripada Majlis Daerah Semporna berdasarkan '**First Come First Serve Basis**'.
4. Pemohon mestilah mendapatkan Borang Permohonan Lot Bazar Ramadan Tahun 2024 di Kaunter Hasil, Bahagian Kewangan, Majlis Daerah Semporna pada waktu pejabat sahaja **bermula pada 19 Februari 2024 (Isnin) – 1 Mac 2024 (Jumaat)**.
5. Penjualan borang permohonan adalah terhad kepada 1 lot untuk setiap permohonan sahaja.
6. Pemohon dan pembantu DIWAJIBKAN mendapatkan suntikan (Antythyroid) (**Bagi Peniaga Makanan/Minuman**).
7. Pemohon DIWAJIBKAN hadir ke **sesi taklimat pada 6 Mac 2024 (Rabu)** bertempat di Dewan Sipadan, Majlis Daerah Semporna.
8. Pemohon dan pembantu DIWAJIBKAN memakai pas khas yang disediakan oleh Majlis Daerah Semporna. Sekiranya tiada pas khas, **DILARANG** masuk ke kanopi jualan atau premis jualan.
9. Pemakaian pelitup muka bagi pemohon dan pembantu adalah digalakkan.
10. Satu khemah / premis jualan adalah khusus bagi 1 peniaga sahaja.
11. Penentuan tapak Bazar Ramadan Tahun 2024 akan dibuat secara undian dan mengikut jenis jualan.
12. Peniaga tidak dibenarkan untuk menukar jenis perniagaan asal dan menukar nombor tapak tanpa kebenaran dari pihak Majlis Daerah Semporna.
13. Peniaga lot makanan/minuman dibenarkan menjalankan perniagaan bermula jam 3.00 petang. Hanya peniaga makanan bermasak sahaja dibenarkan beroperasi awal pada pukul 2.00 petang bagi tujuan persediaan.
14. Peniaga lot kain-kain/pelbagai aksesori dibenarkan untuk menjalankan perniagaan bermula jam 8.00 pagi sehingga 11.00 malam.
15. Memastikan tapak perniagaan bersih semasa dan selepas perniagaan.
16. Makanan yang dijual hendaklah sentiasa bertutup dan bersih (**Bagi Peniaga Makanan/Minuman**).
17. Sampah sarap hendaklah diisi dalam karung plastik sebelum dibuang ke dalam tong sampah.
18. Mempamer tanda harga semasa menjalankan perniagaan.
19. Peniaga dan pembantu hendaklah menggunakan sarung tangan atau penyepit untuk mengisi makanan (**Bagi Peniaga Makanan/Minuman**).
20. Peniaga yang menjual air tebu dan kelapa dikehendaki menyediakan bakul untuk membuang sisa/hampas tebu dan kelapa yang telah diproses (**Bagi Peniaga Makanan/Minuman**).
21. Pembantu yang tidak mempunyai suntikan dan kursus pengendalian makanan adalah dilarang mengendali makanan. Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah adalah dilarang berada di gerai makanan (**Bagi Peniaga Makanan/Minuman**).
22. Tidak dibenarkan merokok / menghisap vape di kawasan tapak Bazar Ramadan Tahun 2024.
23. Peniaga hendaklah menggunakan kanopi bersaiz 10' X 10' berwarna biru atau merah sahaja.
24. Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat/ arahan dari Pegawai Eksekutif, Majlis Daerah Semporna atau wakil dari masa ke semasa. Kegagalan mematuhi syarat di atas membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap tuan/puan tanpa sebarang notis.

SILA SERTAKAN BERSAMA SALINAN DOKUMEN SEPERTI BERIKUT:

1. Salinan Kad Pengenalan pemohon hendaklah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara beserta satu (1) keping gambar berukuran pasport; dan
2. Salinan Kad Kesihatan terkini (*hendaklah disahkan oleh mana-mana pegawai perubatan yang memberi suntikan dalam Kad Kesihatan tersebut*) (**Bagi Peniaga Makanan/Minuman**).

***PIHAK MAJLIS DAERAH SEMPORNA BERHAK MENOLAK PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP**

PENGHANTARAN BORANG

1. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar ke Pejabat Bahagian Pelesenan, Majlis Daerah Semporna sebelum atau selewat-lewatnya pada **1 Mac 2024 (Jumaat)**.
2. Bayaran hendaklah dijelaskan semasa penghantaran borang permohonan di Pejabat Majlis Daerah Semporna.
3. Permohonan serta pembayaran awal diutamakan dan **tapak adalah terhad**.

WAKTU MULA BERNIAGA

1. Pembukaan Lot Bazar Ramadan Tahun 2024 akan bermula pada **12 Mac 2024 (Selasa)** dan berakhir pada **9 April 2024 (Selasa)**.
2. Semua peniaga wajib mematuhi waktu perniagaan tersebut.


CABUTAN NOMBOR LOT

Cabutan nombor lot akan diadakan pada **7 Mac 2024 (Khamis)** bertempat di Dewan Sipadan, Majlis Daerah Semporna seperti dalam jadual berikut:

LOKASI	KATEGORI JUALAN	MASA
Bandar Utama, Semporna	Makanan / Minuman (Sedia Hidang)	8.00 pagi – 8.45 pagi
	Makanan Bermasak	8.45 pagi – 9.15 pagi
Taman Sempaul, Semporna	Makanan / Minuman (Sedia Hidang)	9.15 pagi – 10.15 pagi
	Makanan Bermasak	10.15 pagi – 10.45 pagi
Bandar Baru, Semporna (Perkarangan Bangunan Heng Long)	Kain-Kain/Pelbagai Aksesori	10.45 pagi – 11.30 pagi
Bandar Baru, Semporna (Perkarangan Bangunan KPDNHEP)	Kain-Kain/Pelbagai Aksesori	11.30 pagi – 12.15 tengahari
Bandar Lama, Semporna (Ruang Legar)	Biskut Raya	12.15 tengahari – 12.45 tengahari

***Nota:** Sila bawa bersama kad pengenalan dan resit bayaran lot Bazar Ramadan tahun 2024 semasa cabutan nombor lot dilakukan.

Sekian dan harap maklum.


(ALI ADAM BIN HAJI HAMJAH)
Pegawai Eksekutif,
Majlis Daerah Semporna.
Tarikh : 15 Februari 2024